

06/06/1999

Kerajaan hargai sokongan rakyat

Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kejayaan negara menangani kegawatan ekonomi tidak akan dicapai tanpa pengorbanan, kesabaran, sokongan dan kepercayaan penuh rakyat terhadap kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, kesepaduan rakyat memilih untuk mengekalkan perpaduan dan keharmonian kaum juga membolehkan kerajaan memberi fokus sepenuhnya terhadap usaha mempercepatkan lagi pemulihan ekonomi.

"Di sini kerajaan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakyat atas sokongan dan keyakinan mereka.

"Ini membolehkan kerajaan memberi sepenuh tumpuan kepada usaha pemulihan ekonomi," katanya dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia di majlis menghadap dan pengurniaan darjah kebesaran sempena ulang tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, satu iktibar yang boleh diambil daripada krisis ekonomi yang melanda negara ialah perlunya negara berpendirian tegas dan yakin kepada kemampuan sendiri.

Beliau berkata, dengan pendirian dan keyakinan itu, negara dapat mengelak daripada meminta bantuan badan antarabangsa seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) untuk menangani masalah ekonomi negara.

"Kita juga sedar bahawa untuk berjaya, kita mesti berani mencuba sesuatu yang kita fikir boleh memberi manfaat kepada rakyat dan negara walaupun cara ini belum pernah digunakan oleh mana-mana pihak," katanya.

Dr Mahathir berkata, langkah tegas dan berani yang dilaksanakan kerajaan bagi mengatasi kegawatan ekonomi yang melanda negara sejak Julai 1997 sudah menunjukkan hasil positif.

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata beberapa petunjuk seperti rizab negara, lebihan dagangan dan eksport menunjukkan ekonomi negara sedang menuju kepada proses pemulihan.

"Di samping kenaikan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), pelabur asing juga menunjukkan minat yang bertambah untuk melabur di negara ini.

"Jika dulu ahli ekonomi dan pengalisis Barat amat kritikal dan mempunyai pandangan negatif terhadap langkah pemulihan ekonomi yang kita ambil, kini mereka sudah berubah.

"Mereka kini lebih positif dan mengakui bahawa langkah berani kita telah berjaya," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun mengingatkan bahawa sementara ekonomi semakin stabil, rakyat tidak sepatutnya lalai kerana masih banyak yang perlu dilakukan bagi menjamin pemulihan yang berterusan.

Justeru, beliau mahu semua pihak, khususnya sektor swasta memainkan peranan yang lebih berkesan, terutama dalam menggerakkan sektor ekonomi yang produktif seperti binaan, perkilangan dan infrastruktur.

Katanya, kerjasama bestari antara sektor swasta, awam, pekerja dan kesatuan sekerja adalah penting kerana tanpanya kerajaan tidak akan berjaya menjana pertumbuhan ekonomi yang tinggi seperti dahulu.

Perdana Menteri memberi jaminan kerajaan akan menentukan semua peruntukan bagi projek pembangunan akan dibelanjakan mengikut jadual bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi.

"Kerajaan juga akan terus mengurangkan birokrasi yang sering dikaitkan dengan kelewatan pelaksanaan projek pembangunan.

"Dalam hal ini, kerajaan mengarahkan pegawainya supaya tidak melengah-lengahkan pelaksanaan projek yang dapat memberi faedah kepada rakyat,"

katanya.

Mengenai golongan miskin dan berpendapat sederhana, Perdana Menteri berkata, kerajaan tetap memberi tumpuan terhadap usaha pembasmian kemiskinan supaya golongan terbabit tidak menderita kerana krisis ekonomi.

Beliau juga berkata, kerajaan dan ahli jemaah menteri akan memberi kerjasama penuh kepada Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dalam menjalankan tugas mereka selaras dengan prinsip dan keperluan Sistem Raja Berperlembagaan.

(END)